



Amanat Y.A.B Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Rahman Ya'kub Yang di-Pertua BINA

Sempena Perasmian
Perhimpunan Perwakilan BINA

1980 - 1982

29 hb. Ogos, 1980



انجكشن نهضۃ اللہ علیم برسوتو

Angkatan Nahdhatul-Islam Bersatu
(BINA)
SARAWAK.



DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL RAHMAN YA'KUB
Ketua Menteri Sarawak

UCAPAN PERESMIAN PERHIMPUNAN PERWAKILAN BINA OLEH Y.A.B. DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABUDL RAHMAN YA'KUB, KETUA MENTERI SARAWAK, MERANGKAP YANG DIPERTUA BINA.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
اللَّمَّا عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terlebih dahulu saya menyusun sepuluh jari kehadrat Allah S.N.T. serta bermohon ampun atas apa juga kesilapan yang mungkin telah saya lakukan selama ini di samping memanjat syukur kepada Allah Yang Maha Pengasih dan Maha Penyanyang kerana mengizinkan saya, menerusi amanat ini untuk memberi pesanan kepada para perwakilan sekalian yang hadir di konvensyen BINA pada kali yang Kelima ini.

Inilah kali pertamanya semenjak BINA lahir, saya telah tergendala dari hadir berhadapan dengan tuan - tuan dan puan - puan yang saya kasih diupacara Konvensyen yang penting seperti ini. Bagaimanapun saya sentiasa bersyukur kepada Allah kerana diberi kesempatan melapazkan pesanan ini yang dibaca oleh sahabat qarib saya, Datuk Mufti Al-Ustaz Haji Abdul Kadir Hassan.

Sebelum saya melanjutkan ucapan saya mengenai tema pokok ucapan saya ini, inginlah saya menyentoh terlebih

dahulu suatu peristiwa yang sangat menyedih saya.

Beberapa bulan yang lalu seorang Paderi di Sarawak telah menjawab suatu soalan yang dikemukakan kepada radio di Kuching. Program itu telah keluar pada hari Ahad. Paderi tersebut adalah anak tempatan yang tidak pernah mempelajari Islam yang sebenarnya. Dalam jawapan beliau kepada soalan yang kononnya telah dikemukakan oleh seorang Iban dari Sabah, beliau telah memberi gambaran yang buruk terhadap Ugama Islam. Saya sangat - sangat marah dan mengambil perhatian yang sungguh berat terhadap perkara ini. Inilah kali pertamanya perkara seperti ini berlaku. Pegawai radio Bahagian Iban yang berkenaan sepatutnya terlebih dahulu berundeng dengan ketuanya sebelum menyiarkan program tersebut. Saya percaya perbuatannya mungkin telah dilaku dengan sengaja untuk memburukkan Ugama Islam. Apakah sebabnya soalan mengenai Ugama Islam mesti di jawab oleh seorang Paderi yang bukan berugama Islam? Inilah yang aneh. Kita tidak pernah melayan mana - mana soalan mengenai Ugama Kristian kerana kita tidak pakar dalam ugama itu.

Pihak Majlis Islam sedang mengambil tindakan yang sewajarnya atas perkara ini.

Dalam negeri yang berbilang kaum janganlah adanya sesiapa juga pun mengguna mass media seperti radio dan akhbar untuk mencaci dan memburukkan ugama - ugama yang lain. Beberapa tahun dahulu pernah berlaku seorang penulis yang menamakan dirinya candidus telah juga menulis sebuah rencana dalam Sarawak Tribune memburukkan Ugama Islam.

Tulisannya telah dijawab oleh Tuan Haji Abdul Karim dan tulisan Candidus itu adalah tidak betul dari segi sejarah. Saya merayu kepada semua golongan supaya mereka jangan menyentuh masaalah ugama yang lain dengan memutarbelitkan ajaran - ajaran ugama yang lain kerana perkara ini adalah sensitif dan boleh mencetuskan pergaduhan. Bagi kita umat Islam pendirian kita adalah jelas seperti yang terkandong di dalam Kitab Suci Alquran Surah Al Kafirun.,

قُلْ يَا أَيُّهَا الْكَافِرُونَ، لَا أَعْبُدُ مَا تَعْبُدُونَ
وَلَا أَنْتُمْ عَابِدُونَ مَا أَعْبُدُ، وَلَا إِنَا عَابِدُ مَا عَبَدْتُمْ
وَلَا أَنْتُمْ عَابِدُونَ مَا عَبَدْتُمْ، لَكُمْ دِينُكُمْ وَلِي دِينِ

Yang kira-kira bermaksud: "Katakanlah Ya Muhammad: Wahai orang - orang yang kafir. Saya tidak menyembah Tuhan yang kamu sembah. Dan tidak kamu menyembah Tuhan yang kami sembah. Dan tidak pernah saya menyembah Tuhan yang kamu sembah. Bagi kamu ugama kamu dan bagi saya ugama saya". Dalam Surah Al An'am Allah juga telah memesan kita supaya jangan mencaci atau berkata yang tidak baik tentang apa juar yang disembah oleh penganut ugama - ugama yang lain.

وَلَا تَسْبُوا الَّذِينَ يَدْعُونَ مِنْ دُونِ اللَّهِ فَإِنَّمَا يَسْبِبُونَ اللَّهَ
عَدُّ وَلَا بَغْيَرَ عِلْمٍ كَذَلِكَ زَيَّنَا لِكُلِّ أُمَّةٍ عَلَيْهِمْ ثُمَّ أَنْتُمْ
رَبُّهُمْ مَرْجِعُهُمْ فَنَبْيَثُهُمْ بِمَا كَانُوا يَعْمَلُونَ .

Maksud ayat tersebut adalah seperti berikut: "Dan janganlah kamu memaki berhala-berhala yang mereka sembah selain dari Allah. Kerana mereka nanti akan memaki Allah melampaui batas tanpa pengetahuan. Kemudian kepada Allah tempat mereka kembali, lalu Dia menerangkan kepada mereka apa yang mereka telah lakukan".

Itulah sebabnya pemimpin-pemimpin, imam-imam dan ulama-ulama Islam tidak melakukan seperti Paderi yang tersebut di atas tadi. Kitab Suci Alquran dalam surah Al-Baqarah telah menjelaskan apa yang hak telah terang dari yang batil. Ayat 156.

• لا اكراه في الدين قد تبين الرشد من السفه

Yang kira-kira bermaksud: "Tidak ada paksaan dalam Ugama; Sesungguhnya sudah nyata petunjuk kebenaran dari kesesatan".

Supaya mengelakkan daripada salah faham, bukanlah maksud saya menimbulkan masalah ini untuk meletakkan kesalahan keatas pengetua RTM di Sarawak ataupun di Malaysia. Memang mustahil bagi beliau hendak menjaga sekalian yang berlaku dalam tiap - tiap 'Section' dalam radio Kuching. Tetapi dari semasa ke semasa nampaknya radio section Iban di guna terkadang - kadang untuk mengeluarkan siaran anti-

kerajaan dan ini pula mengeluarkan siaran mencaci Umat Islam. Saya merayu kepada Ketua RTM supaya mengambil tindakan yang keras terhadap perkara ini untuk mengelakkan tercetusnya pergaduhan di antara umat Islam dengan umat yang lain.

BINA mendesak supaya Paderi yang berkenaan yang bernama Father Jamal mohon maaf kepada Umat Islam menerusi radio Kuching begitu juga hendaknya Ketua section Radio Bahagian Iban yang bertanggungjawab menyiar program tersebut. Saya telah mengarahkan Majlis Islam Sarawak supaya memberi jawapan yang sebenarnya kepada soalan yang berkenaan itu. Jawapan tersebut hendaklah disiarkan pada masa yang sesuai dalam bahasa Iban menerusi section Iban.

Peristiwa yang berlaku ini menentukan dengan jelasnya betapa pentingnya dalam sebuah negara yang berbilang kaum dan berbilang ugama seperti kita bahawa hak kebebasan berugama tidak dipersalah gunakan. Sebaliknya hendaklah kita menentukan bahawa diri kita itu mempunyai tanggungjawab dan boleh di amanah dengan hak kebebasan berugama dengan mengawal diri daripada sikap benci kepada orang serta juga mengambil jalan yang sederhana dan mendisiplinkan diri bilamana kita menyebarkan ugama kita. Jikalau kita tidak berhati-hati dalam perkara ini, negeri ini nanti akan melihat apa yang berlaku di India baru-baru ini di antara orang Hindu dan Islam. Ketika orang Islam bersembahyang Idul Fitri di sebuah kampung di India, orang-orang kafir telah melepaskan binatang babi untuk menganggu umat Islam yang sedang bersembahyang. Kita juga sedang menyaksikan pergado-

han di Ireland Utara di antara Kristian Protestant dan Kristian Catholic yang nampaknya tidak akan berakhir. Marilah kita sama-sama menjaga dan menghormati ugama masing-masing dengan tidak menimbulkan perkara yang boleh mencetuskan pertumpahan darah di tanahair kita ini.

Beberapa bulan yang lalu suatu peristiwa yang lain telah berlaku di Miri di mana sekumpulan fanatik yang menjadi Church of Miri telah mencetuskan pergaduhan di antara mereka dengan mengganggu pengikut Buddhist di Miri. Anggota Church of Miri tersebut menganggap diri mereka di perintah oleh Tuhan untuk berbuat demikian. Saya telah minta Peguam Negeri mengkaji samada penubuhan gereja tersebut bertentangan dengan undang-undang negeri Sarawak. Menurut keterangan yang saya terima masa ini mereka tersebut telah tidak berdaftar di bawah undang-undang Missionary Ordinance Negeri Sarawak. Kalaulah mereka meneruskan perbuatan mereka ini maka sewajarnya pihak polis mengambil tindakan keras untuk menjamin kebebasan berugama iaitu janganlah kumpulan yang demikian mengganggu pengikut ugama yang lain.

Tahun ini genaplah usia BINA sebelas tahun. Pada dekad yang kedua ini dalam hidup BINA kita telah mulai menyaksikan berbagai perubahan yang akan membawa BINA kepada perjuangan yang lebih luas dan meningkat sesuai dengan hasrat, khasnya belia-belia kita, dan umat Islam di Sarawak seluruhnya. Selangkah demi selangkah setelah menempuh beranika ragam cabaran dan cubaan, dari luar dan dari dalam, namun

BINA telah tetap tidak berganjak daripada tugas pokoknya bergerak menuju ke arah cita-citanya yang suci murni.

Tidak mustahak bagi saya mencatit pada hari ini, sejarah dari awal hingga sekarang perjalanan **BINA**. Saya hanya perlu menegaskan masa hadapan yang harus kita tempuh dengan penuh tekad, satu tenaga, dengan hati yang bulat, jangan di simpang sior oleh perkara yang remeh temeh, yang timbul dari emosi dan pertelingkahan faham yang tidak memberi faedah kepada umat Islam.

Pernah di suarakan bahawa salah satu daripada sebab maka terdapat gulungan yang enggan menyertai **BINA** ialah kerana **BINA** "berbau" politik. Pandangan ini tidaklah juga dikatakan salah. Mereka telah mengambil kesimpulan demikian kerana saya, sebagai Presiden **BINA**, dan beberapa orang terkemuka dalam **BINA** adalah tokoh politik. Sebaliknya bukanlah tujuan pokok **BINA** mengambil peranan utama dalam kegiatan politik. Saya telah dapat memisahkan tugas saya sebagai seorang tokoh politik dengan tugas saya sebagai seorang anggota dan pemimpin **BINA** selama ini. Namun demikian, hendaklah difahamkan dengan sejelas-jelasnya iaitu Junjungan kita S.A.W. dan sahabat-sahabat beliau kesemuanya adalah tokoh politik di samping mereka menjalankan perintah Allah. Islam tidak boleh di asing daripada kehidupan manusia setiap hari. Islam untuk dunia dan akhirat. Kehidupan manusia setiap hari tidaklah terlepas dari urusan politik. Turun naik harga minyak adalah masalah politik. Turun naik harga gula juga tidak sunyi daripada dasar politik. Maju mundurnya

persekolahan anak-anak juga bersabit dengan politik. Kekotoran dan kebersihan kampong juga boleh dijadikan masaalah politik. Keganasan dan keamanan juga tidak lari dari issue politik. Pendek kata selagi ada manusia di dunia ini selama itulah ada politik. Politik adalah urusan mengatur hal ehwal manusia supaya hidup aman damai. Politik itu bersih seperti juga agama itu bersih. Hanya manusia yang mengotorkan politik seperti juga manusia mengotorkan agama.

Dalam dekad kedua ini BINA sudah mula merancang meluaskan kegiatannya dalam bidang perubatan dan latihan kemahiran yang sedang disusun untuk dilaksana dalam tahun-tahun akan datang.

Saya bersyukur ke hadrat Allah S.N.T. kerana pelajar-pelajar kita di sekolah-sekolah yang dipimpin oleh belia kita sendiri seperti anaknya Idris Bohari, Sazali Aba Ibrahim dan lain-lain dengan dibantu oleh saudara-saudara mereka dalam BINA seperti Haji Mohd. Louis Ali, Taufiq Shahran, Abang Mohd. Atei Medaan dan lain-lain sedang giat mengatur langkah untuk menyelanggarakan diri mereka sendiri supaya menjadi penuntut Islam yang bermutu tinggi. Saya akan membantu mereka seberapa daya upaya. Saya akan menyediakan kepada mereka sebuah bangunan untuk tempat mereka belajar dengan kemudahan yang sederhana. Mereka akan mengurus urusan mereka sendiri dan BINA akan memberi apa juga pertolongan yang mampu dihulurkan. Saya bangga kepada belia-belia Islam ini. Saya mempunyai harapan besar terhadap mereka sebagai pejuang Islam dan pemimpin Islam serta rakyat Islam yang

akan menjadi model di masa akan datang. Ibu bapa sekalian harus bangga kepada mereka dan memberi apa jua galakan dan bantuan yang mereka perlu.

Kaum wanita kita janganlah tertinggal dari kegiatan dakwah Islamiyah. Marilah kita perbaiki keadaan masyarakat kita dengan bermula di rumah tangga dan di kampung-kampung kita sendiri. Marilah kita dirikan kembali identiti Islam kita yang menunjukkan sifat-sifat yang boleh dicontohi oleh manusia yang lain.

Saya sedari bahawa selama saya memimpin BINA dari tahun 1968 banyak kekurangan dan kelemahan yang telah saya rasai, banyak kesilapan telah saya lakukan, banyak perkara yang telah saya abaikan, banyak tugas yang saya cuaikan. Saya mohon maaf dan ampun atas sekaliannya ini, dan saya harap semoga di masa-masa yang akan datang kita sama-sama dapat memperbaiki kelemahan-kelemahan dan kekurangan-kekurangan itu. Berbeza dengan dahulu, tidaklah dapat saya menumpu tenaga dengan sepenuhnya lagi kepada BINA. Saya merayu kepada sekalian para-para ustaz, daripada Mufti, Ustaz Mortadza, Ustaz Fathi, Ustaz Sidek Taib kepada Ustaz Awang Pon, Ustaz Jahidin, Ustaz Helmi, Ustaz Wan Abdul Wahab Ustaz Othman Loling, Ustaz Hanis Abot dan para alim ulama dari Semenanjung dan Indonesia, supaya membulatkan tenaga kamu, jangan bercanggah, jangan berpecah belah, selesaikanlah perbezaan pendapat di meja bundar, jangan menyimpang sior sehingga pengikut-pengikut menjadi kucar kacir. Di mana-mana negara bila mana alim ulama

bercanggah rakyat akan kacau bilaú. Bila mana alim ulama bersatu padu umat akan tetap teguh. Saya telah merayu kepada tokoh alim ulama untuk mengambil alih dari saya pimpinan BINA. Asasnya telah saya bangunkan. Sekarang saya serahkan kepada mereka dan anak-anak muda yang lain untuk meneruskan perjuangan supaya BINA tetap subur dan menjadi sebuah pohon yang rendang, mengeluarkan benih pejuang-pejuang Islam yang boleh menaburkan di merata-rata tempat benih-benih dasar-dasar Islam untuk menyinari bumi Kenyalang ini.

Jangan terpengaruh oleh revolusi di negeri yang lain, jangan terpengaruh dengan cara kegiatan keganasan di Semenanjung. Kita harus mengatur langkah kita sendiri memandang kepada keadaan kita sendiri dalam negeri Sarawak. Sesuaikanlah langkah dan strateji kita dengan bumi kita sendiri. BINA bukan kepunyaan saya, BINA kepunyaan umat Islam di tanah air kita. Saya sendiri telah sampai ke tingkat yang akhir dalam riwayat perjuangan BINA. Kamulah yang akan menyambung apa yang telah saya tanam dahulu, kamulah yang harus bertanggungjawab. Buanglah yang keroh dan ambillah yang jernih. Janganlah tenaga yang begitu sedikit dipecah-pecah dalam berbagai-bagai pertubuhan yang nampaknya mula tumbuh macam cendawan.

Pihak Jabatan Tanah dan Ukur sudah mula menyukat tanah seluas lebih kurang 100 ekar di Petra Jaya. Di kawasan inilah sebuah masjid negeri yang baru, sebuah pusat Islam dan sebuah perpustakaan yang besar, sebuah sekolah ugama akan

didirikan. Projek-projek ini akan mengambil masa yang panjang untuk menyiapnya. Mungkin ianya akan selesai sesudah saya meninggalkan pucuk pimpinan negeri Sarawak. Jagalah dan jaminkanlah kejayaan projek ini. Inilah amanat yang penting yang saya serahkan kepada tuan-tuan dan puannuan. Inilah nadi perjuangan kita. Inilah pusat tempat memancarnya cahaya Islam di kemudian hari kelak.

Alim ulama yang berada di Sarawak. Satukanlah tenaga, satukanlah tekad, satukanlah tujuan, satukanlah kegiatan, satukanlah strateji. Mudah-mudahan Allah memberi petunjuk kepada kita sekalian serta memberkati segala usaha kita.

Bersempena dengan Hari Raya Idil-Fitri, saya akhiri dengan memohon ribuan Maaf Zahir dan Batin.

وَبِاللّٰهِ التَّوْفِيقُ وَالْهُدَى
وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ

SPEECH
BY
Y.A.B. KETUA MENTERI SARAWAK •
DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI
ABDUL RAHMAN YA'KUB.
AT
THE OPENING CEREMONY OF THE 5TH.
BINA BIENNIAL DELEGATES CONFERENCE
ON
29TH AUGUST 1980
AT
MAJLIS ISLAM SARAWAK,
KUCHING.

SEPECH BY YAB KETUA MENTERI, SARAWAK,
DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL RAH-
MAN YA'KUB AT THE OPENING CEREMONY
OF THE 5TH BINA BIENNIAL DELEGATES'
CONFERENCE ON 29TH AUGUST, 1980 AT
MAJLIS ISLAM SARAWAK, JALAN JAWA,
KUCHING.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
اللَّمَّا عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

First, I must pray to Allah to forgive any mistakes I may have made in the past and at the same time I must thank Allah, most merciful and most compassionate, for giving me this opportunity to convey my message to all the delegates at this 5th Biennial Convention of BINA. Although this is the first time I am unable to be present, owing to illness, at this important convention, I am grateful to Allah that my message will be read by my close colleague and friend, Datuk Mufti Al-Ustaz Haji Abdul Kadir Hassan.

However, before I continue to elaborate on the basic theme of my message to you today, I wish to inform you of an incident which has made me very unhappy.

A few months ago a Sarawak Christian priest answered a question on Islam over the radio, in a programme that was broadcast from Kuching on a Sunday. This priest, a local person, had not studied Islam and in his reply to the question, which was allegedly asked by an Iban from Sabah, he painted

a very bad picture of the religion of Islam.

I am very, very angry about this matter and take a serious view of it. This is the first time such an incident has taken place in Sarawak. The officer-in-charge of the Iban Section of the programme, which carried this broadcast, should have first consulted his Director, before allowing that programme to-be broadcast.

I believe that this may have been done deliberately to bring the religion of Islam into grave disrepute. Why must a question on Islam be answered by one who is not a Muslim, by a Christian priest? This is rather strange. We Muslims have never answered any questions whatever on the Christian religion because we are not experts in that religion.

The Majlis Islam is now taking appropriate action in this matter.

In a multiracial and multireligious country like ours, no one should abuse the mass media, e.g. the radio, the TV or the press, to condemn and bring into disrepute any religion. Several years ago a writer who calls himself "Candidus" wrote an article in the Sarawak Tribune smearing the religion of Islam. This article was replied to by Tuan Haji Abdul Karim Abdullah who showed that it was historically untrue and a complete falsehood.

I appeal to all sections of our people not to discuss the religion of the others or contradict the teachings of other religions because this is a very sensitive issue and can create

trouble between our different communities. Our stand on this issue, as Muslims, is very clear and has been define for us in Surah Al-Kafirun ("Those Who Deny The Truth") as follows:

قُلْ يَا أَيُّهَا الْكَافِرُونَ، لَا أَعْبُدُ مَا تَعْبُدُونَ
وَلَا أَنْتُمْ عَابِدُونَ مَا أَعْبُدُ، وَلَا إِنَا عَابِدُ مَا عَبَدْتُمْ
وَلَا أَنْتُمْ عَابِدُونَ مَا عَبَدْتُ، لَكُمْ دِينُكُمْ وَلِي دِينِ

This means: "Say O Muhammad: O you who deny the truth! I do not worship that which you worship, and neither do you worship that which I worship. And I will not worship that which you have worshipped, and neither will you worship that which I worship. Unto you your religion, and unto me, mine!" (S: 109;V: 1-6)

In Surah Al-An'am (Cattle) verse 108, Allah also forbids us to condemn or to abuse the objects of worship by followers of other religions. The verse goes as follows:

وَلَا تُسْبِوا النَّذِينَ يَدْعُونَ مِنْ دُونِ اللَّهِ فَيُسْبِوُ اللَّهَ
عَدُوُّهُمْ وَلَا بَغْيَرُ عِلْمٍ كَذَلِكَ زَرِنَا لِكُلِّ أُمَّةٍ عَلَيْهِمْ شَمَالُ السَّمَاوَاتِ
رَبُّهُمْ مَرْجِعُهُمْ فَيَنْبئُهُمْ بِمَا كَانُوا يَعْمَلُونَ ۝

This means: "But do not revile those beings whom they invoke instead of God, lest they revile God out of spite, and in ignorance: for goodly indeed have We made their own doings appear unto every communitiy. In time however, unto their Sustainer must they return; and then He will make them truly understand all that they were doing". (S: 6; V: 108)

In his comment on this verse Dr. Muhammad Asad, who recently published a well-received English translation of the Holy Quran, says: "This prohibition of reviling anything that other people hold sacred -- even in contravention of God's oneness -- is expressed in the plural and is, therefore, addressed to all believers. Thus, while Muslims are expected to argue against the false beliefs of others, they are not allowed to abuse the objects of those beliefs and to hurt thereby the feelings of their erring fellow-men."

This is the reason why the leaders, imams and ulamas of Islam do not act like the priest whom I have mentioned above. The Holy Quran also says in Surah Al-Baqarah (The Cow) verse 256, distinguishing the right way from the wrong one:

• لا اكراه في الدين قد تبين الرشد من الغيّ •

This means: "There shall be no coercion in matters of faith. Distinct has now become the right way from the way of error" (S. 2; V: 156).

In order to avoid misunderstanding, let me clarify that it is not my intention to blame the Head of RTM in Sarawak or in Semenanjung. It is, of course, impossible for these officials to check all that's taking place in every section of broadcasting every day. But it appears that, from time to time, the Iban radio section in Kuching is being used to broadcast anti-

Government programmes, and this time an anti - Islamic programme. I call upon the Head of RTM to take firm action in this matter to eliminate the possibility of clashes between the followers of Islam and the followers of other religions.

BINA urges that the priest concerned, Father Jamal, apologises to the followers of Islam through Radio Sarawak in Kuching; and that the Head of the Iban Radio Section also makes a proper apology for broadcasting that anti-Islamic programme. I have already directed Majlis Islam, Sarawak to give the right answer to that particular question. This answer should be broadcast at the appropriate time in Iban by the Iban Section of RTM, Sarawak.

This incident clearly demonstrates that in a multiracial and multireligious society like ours, it is vital not to misuse the right to freedom of worship, which we possess. We must ensure by our responsible exercise of this precious right, that we can be entrusted with the freedom of worship. In propagating our religion we must be disciplined and take the path of moderation. If we do not conduct ourselves in this manner, our country will witness incidents similar those now taking place in India, between Hindus and Muslims.

During Aidil Fitri prayers in an Indian village, some non-Muslims released pigs to render unclean the Muslims performing their prayers. We also witness today the civil war in Northern Ireland between Protestant Christians and the Catholics, a war which is now in its seventh year and appears to be endless. Let us, therefore, guard and respect our

different religions by not creating trouble and bloodshed in our land.

Some months ago another incident happened in Miri when a fanatical group, under the name of "Church of Miri", began to quarrel with and disturb the followers of Buddhism in Miri. The members of this "Church of Miri" claim that they are being ordered by God to attack the Buddhists. I have already requested the State Attorney - General to investigate whether the establishment of this "Church of Miri" is in accordance with the laws of Sarawak. According to information in my possession, this "Church" has not been registered under the Missionary Ordinance of Sarawak. If its member continue with their disruptive actions, it is only appropriate that the police take firm action against them to safeguard the freedom of religious expression by ensuring that such groups do not attack and disturb the followers of other religions.

BINA is eleven years old today. In this second decade in its life, we are beginning to witness a number of changes that will move BINA into greater and wider fileds of activity, in accordance with the aspirations of BINA youth in particular and the ummat Islam as a whole. Despite encountering all kinds of challenges and trials, external as well as internal, BINA has survived, moved ahead step by step and fulfilled its basic responsibilities and important aims.

It is not necessary for me to speak in detail on BINA's History from its beginnings until today. I only wish to

emphasise that we must meet the challenges of the future with a united spirit, united effort and united hearts. We must not allow ourselves to be divided by trivial issues that are the result of emotion or misunderstanding and that do not benefit the ummah as a whole.

It has been alleged that one of the reasons for the existence of a group which does not wish to join BINA, is because BINA "smells of politics." This view cannot be said to be wrong. The members of this group have come to this conclusion because I, as the leader of BINA, and a number of other senior leaders in BINA, are also veteran politicians.

On the other hand, it is not the basic intention of BINA to take the leading role in political activities. I have been able, all this time, to separate my duties as a politician from my duties as a member and leader of BINA. Nevertheless, it must be clearly understood that our Prophet Muhammad, peace and blessings be unto him, and his closest Companions, peace be unto them, were all politicians while at the same time they carried out their religious duties. Islam cannot be separated from the everyday life of mankind. Islam is both for this world and for the next.

Nor can a man's life be separated from politics. The fluctuations in the price of oil is a political matter. The fluctuations in the price of sugar is basically of political matter. The educational success or failure of our students is also related to politics. The cleanliness or uncleanliness in

a kampong can also be a political problem. Whether there is a state of violence or a state of peace, is also a question that cannot be separated from politics. In short, for as long as man continues to exist in this world, politics will exist also - for politics is simply a way of organising the affairs of men so that they may live in peace and harmony. Politics is clean just as religion is clean. It is men themselves who make politics dirty just as they sometimes defile religion.

In this second decade BINA has been widening its activities to include health and medical services as well as training in vocational and occupational skills during the coming years. I thank God that our students in the schools, guided by our young and active BINA leaders like Idris Bohari, Sazali Aba Ibrahim, Mohd. Louis Ali, Taufiq Shahran, Abang Mohd. Atai Medaan and others, are taking active steps to equip themselves to become Muslim student of high quality.

I will help them as much as I can. I will provide them with a building with reasonable facilities for their studies. They will have to run this building themselves and BINA will provide them with assistance within its means. I have high hopes for these youth as the avant-garde of the Islamic movement in the State and as a model for other Muslim youth in the future. Their parents should be proud of them and should give them full support and encouragement to fulfil their obligations.

Our womenfolk, too, should not let themselves to be left behind in dakwah activities. Let us improve our community

beginning at home and in our villages. Let us display our Muslim identity with all its good qualities as a model for others.

I am aware of the defects and weaknesses of my term of leadership of BINA since 1968. I have made many mistakes, have neglected to do many things and have not carried out many of my duties. For all these I ask you to forgive me. I hope that we shall, together, in the years ahead, make good these weaknesses, defects and mistakes.

Unlike before, I cannot now fully concentrate on BINA. I appeal to all the ustaz, from the Mufti Ustaz Mortadza, Ustaz Fathi and Ustaz Sidek Taib to Ustaz Awang Pon, Ustaz Jahiddin, Ustaz Helmi, Ustaz Wan Abdul Wahab, Ustaz Othman Loling and Ustaz Anis Abot, and all the learned ulama from Indonesia and Semenanjung, to unite their efforts. Do not indulge in disputes with one another and do not cause dissension among yourselves. Solve any differences at a round-table. Do not deviate from the right teaching thus causing confusion among the followers of Islam. In any country where it takes place, quarrels between the ulamas are always reflected by quarrels within the Islamic community. When the ulamas are united the community displays a remarkable solidarity.

I have appealed to the ulama to take over from me as leader of BINA. I have laid the foundations. Now I hand my responsibilities over to them and to the youth to continue the struggle so that BINA will always flourish, and will become

a strong tree with spreading foliage, producing seeds in the shape of Islamic activists who will in turn cast the seeds of Islam far and wide to enlighten and illuminate the land of Kenyalang.

Do not be influenced by revolutions in other countries, do not be influenced by the aggressive activities of some in Semenanjung. We must lay down our own path according to our own conditions in Sarawak. Our policy and strategy must be suited to our own conditions in our own land. BINA does not belong to me. BINA belongs to the ummat Islam in this State. My participation in the story of BINA has reached its final stage. You are the ones who will continue to nourish the seeds I have planted. You must shoulder the responsibility. Throw out the dirty but preserve the clean water. And do not split our already limited human resources into splinter-like organisations that appear here and there like mushrooms.

The Land & Survey Department has already surveyed a piece of land about 100 acres large in Petra Jaya. It is here that the new state mosque, Islamic centre, a large library and a religious school will be built. These projects will take some time to complete. They may even be completed after I have vacated the State leadership. Make sure of the successful completion of these projects. This is my fervent plea to you. These projects will constitute the nerve - centre of our movement. It is from this centre that the light of Islam will shine in the years ahead.

All ulamas in Sarawak: Unite your efforts, unite your methods, unite your objectives, unite your activities and unite your strategy. May Allah show us the way and bless all our efforts.

As we are still in The Spirit of Idil-Fitri, I take this opportunity to beg for forgiveness.

بِاللّٰهِ التَّوْفِيقُ وَالْهُدَىٰ ،

May Allah beslow us with blessing and guidence.

وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ .



SPEECH
BY
Y.A.B. KETUA MENTERI SARAWAK
DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI
ABDUL RAHMAN YA'KUB.
AT
THE OPENING CEREMONY OF THE 5TH.
BINA BIENNIAL DELEGATES CONFERENCE
ON
29TH AUGUST 1980
AT
MAJLIS ISLAM SARAWAK,
KUCHING.